

UPM hasil 5,000 perisai muka

SHAH ALAM - Kumpulan pakar dan sukarelawan Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan 5,000 perisai muka untuk petugas barisan hadapan bagi membandung ancaman Covid-19 di hospital berhampiran kampus itu.

Ketua Kumpulan Prof Madya Dr Sam-suzana Abd Aziz berkata peralatan itu dijangka siap dalam dua minggu dengan kelengkapan pencetak jenis tiga dimensi (3D) baharu untuk keperluan Pusat Kesihatan UPM, Hospital Pengajar UPM serta Hospital Serdang.

Katanya, 30 ahli kumpulan dan sukarelawan terlibat dalam projek diterajui 'Putra Makers Space UPM' membabitkan 19 ahli Fakulti Kejuruteraan, enam ahli Longe Medikal Sdn Bhd, Putra Science Park termasuk lima ahli Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina dengan kerjasama tiga makmal UPM.

"Kami mampu menghasilkan 200 perisai muka sehari menggunakan 13 pencetak 3D iaitu jenis buatan sendiri (DIY) seperti Creality Ender 3, Zotrax dan 4Max Pro,



serta pencetak 3D ketahanan tinggi Ultimaker dengan kos RM1.50 hingga RM2.50 seunit menggunakan bahan mentah filament PLA untuk percetakan 3D, plastik lut sinar dan getah," katanya dalam kenyataan pada 30 Mac lalu.

Katanya, pakar menitikberatkan rekabentuk yang memenuhi keperluan perlindungan terbaik memandangkan ujian ketahanan, keberkesanan dan rekabentuk dijalankan di beberapa hospital dengan

bantuan maklum balas pengguna oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Sementara itu, Dekan Fakulti Kejuruteraan, Prof Ir Dr Nor Kamariah Nordin berkata sebanyak RM6,000 dana diperolehi untuk membeli bahan mentah serta turut menerima sumbangan peralatan asas oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, NGO termasuk Malaysian Maker & 3D Printing Communities, Makers@University serta orang awam.